

**Kerajaan Persekutuan Lulus Pinjaman RM34.9 Juta Untuk Projek Bekalan Air Di  
Kedah  
Bernama  
18 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 18 Julai (Bernama) -- Kerajaan persekutuan meluluskan pinjaman baharu sebanyak RM34.9 juta kepada kerajaan Kedah bagi membiayai projek bekalan air di Sik.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kedah Datuk Mohd Johari Baharom berkata pinjaman terbaharu itu bagi menangani masalah penduduk negeri ini terutama di Sik dalam mendapatkan bekalan air bersih dan terjamin.

"Kerajaan negeri akan diberi tempoh selama 23 tahun untuk membayar semula pinjaman tersebut dan tidak akan dikenakan sebarang faedah" katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Program Ihya Ramadan di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di sini.

Katanya pinjaman terkini itu menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri Kedah meningkat kepada RM2,189.04 juta.

"Melalui inisiatif ini kerajaan persekutuan percaya perkhidmatan bekalan air di negeri Kedah akan dapat dipertingkatkan demi kepentingan rakyat di Kedah selain memenuhi keperluan sektor-sektor utama yang lain," kata Mohd Johari yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681618>

